

# ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

## BILANGAN 2 TAHUN 2012

---

### **Penyeragaman Prosedur Permohonan Kebenaran Pindahmilik Tanah Untuk Kelulusan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor Daripada Individu / Syarikat / Persatuan Bumiputera Kepada Individu / Syarikat / Persatuan Bukan Bumiputera**

---

Arahan ini dikeluarkan kepada semua Pejabat Tanah Daerah (PTD) bagi penyeragaman prosedur permohonan kebenaran pindahmilik tanah untuk kelulusan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor daripada individu / syarikat / persatuan bumiputera kepada individu / syarikat / persatuan bukan bumiputera.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 18/2012 pada 16 Mei 2012 yang telah disahkan pada 19/2012 pada 23 Mei 2012 telah memutuskan permohonan kebenaran pindahmilik daripada individu/syarikat bumiputera kepada individu / syarikat / persatuan bukan bumiputera bagi tanah yang diperolehi melalui pemberimilikan disyorkan ditolak, manakala Tanah yang diperolehi melalui pembelian boleh dipertimbangkan tertakluk kepada budi bicara Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor. Walau bagaimanapun, sebarang permohonan mestilah mempunyai alasan yang kukuh.